

12 FEB 2001

Mahathir-BBM

PERJUANGAN BBM TAK JELAS, KATA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak faham apakah yang diperjuangkan oleh Badan Bertindak Melayu.

"Saya tak faham mereka kerana semasa mereka menemui saya sebelum ini, mereka kata mereka nak anjur (perhimpunan) untuk perpaduan Melayu," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, perhimpunan itu nampaknya tidak mencapai apa yang dihasratkan, kata Dr Mahathir di akhir lawatan dua harinya ke Sabah hari ini.

"Kalau dahulu berpecah kepada tiga iaitu Umno, Keadilan dan Pas, sekarang kita ada empat ...Umno, Keadilan, Pas dan BBM," katanya.

Ditanya sama ada BBM mempunyai agenda tersembunyi, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahulah sama ada mereka bersembunyi atau tidak, tetapi ia agak jelas."

Menjawab satu soalan sama ada pertemuan Pas-Umno mengenai isu perpaduan Melayu akan membuka jalan kepada Pas untuk berada dalam Barisan Nasional (BN), Dr Mahathir berkata: "Tak timbul soal itu kerana yang kita cakap adalah tentang perpaduan Melayu, bukan perpaduan parti-parti Melayu."

Beliau juga diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai 600 pelajar dari tiga sekolah di Gua Musang, Kelantan, yang mungkin tidak dapat menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia tahun ini.

Laporan berkenaan menyebut ia disebabkan kegagalan pelajar berkenaan menjelaskan yuran peperiksaan akibat kemiskinan.

Menurut Dr Mahathir kerajaan akan meneliti perkara itu sama ada ia kerana kemiskinan atau kerana sebab-sebab lain.

Beliau bagaimanapun berkata keadaan itu tidak harus menjadi penghalang kepada pelajar berkenaan untuk belajar bersungguh-sungguh.

"Kita dapati kadang-kadang pelajar miskin mampu mencatat keputusan yang sangat baik tapi kalau tak belajar, yang kaya pun gagal juga," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI